



فجابه فريندهاران نكري ترغكانو

PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI TERENGGANU
Tingkat 3 & 4, Wisma Darul Iman,
20592 Kuala Terengganu.

Tel : 09-623 1957 Faks : 09-623 7949 (Perb. Tr), 09-626 7948 (Bend. Tr)
E-mel : perbendaharaan@terengganu.gov.my



PERB.TR.A/17/03/0/02 . (45)
Bertarikh : 25 Februari 2014
Bersamaan : 25 Rakhir 1435

Semua Ketua Jabatan
Negeri Terengganu

Tuan,

**PEMBAYARAN SUBSIDI YURAN PENGASUHAN
TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan surat kami PERB.TR.A/17/03/0/02 . (42) bertarikh 17 Februari 2014.

2. Adalah dimaklumkan bahawa bagi Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang tidak mempunyai peruntukan di bawah Osol 42000, pihak Bendahari telah bersetuju untuk membenarkan pembayaran subsidi yuran tersebut menggunakan peruntukan di bawah osol 29000. Senarai PTJ yang berkaitan adalah sebagaimana lampiran.

3. Bagi PTJ yang lain, pihak kami akan mengkuiri baucer bayaran subsidi tersebut sekiranya menggunakan Osol 29000. Arahan ini adalah berkuatkuasa bagi pembayaran yuran bulan Mac 2014 sehingga Disember 2014 sahaja.

4. Kerjasama dan perhatian pihak tuan dalam perkara ini amatlah diperlukan.

Sekian, terima kasih.

“ MERAKYATKAN PENTADBIRAN DAN PEMBANGUNAN ”

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,


(WAHAB BIN TASILIM)

Bendahari Negeri
b.p. Pegawai Kewangan Negeri,
Terengganu.

s.k.
Fail timbul

LAMPIRAN**SENARAI JABATAN/PTJ YANG TIDAK MEMPUNYAI PERUNTUKAN DI BAWAH OSOL 42000**

BIL.	JAB/PTJ	NAMA
1	0005	Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri
2	0007	Pejabat Mineral dan Geosains
3	0010	Jabatan Kerja Raya
4	0011	Jabatan Pengairan dan Saliran
5	0019	Pejabat Tanah dan Galian
6	0020	Pejabat Tanah Besut
7	0021	Pejabat Tanah Dungun
8	0022	Pejabat Tanah Hulu Terengganu
9	0023	Pejabat Tanah Kemaman
10	0024	Pejabat Tanah Kuala Terengganu
11	0025	Pejabat Tanah Marang
12	0026	Pejabat Tanah Setiu
13	0028	Pejabat Perancangan Bandar dan Desa
14	0029	Jabatan Perhutanan Negeri
15	0031	Jabatan Pertanian
16	0034	Pejabat Mufti Negeri